

# Karnival Kerjaya UMP tawar lebih 10,000 pekerjaan

Berita Harian (Varsiti) 7/6/18 (Khamis) M/s: V59



Prof Daing Nasir (tiga dari kanan) melancarkan Karnival Kerjaya UMP.



Prof Daing Nasir melawat pameran di Karnival Kerjaya 'Dari Universiti ke Industri'.

**Kuala Lumpur:** Karnival Kerjaya anjuran Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya (CPDC), **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** baru-baru ini menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata karnival dua hari itu adalah satu inisiatif universiti untuk menghubungkan pelajar dengan industri, dalam usaha menyediakan peluang pekerjaan dan penempatan untuk latihan industri.

Katanya, UMP mencatatkan 94 peratus kebolehpasaran graduan pada 2017 dan menjadi antara universiti awam (UA) yang merekodkan pencapaian tertinggi di Malaysia dan kejayaan itu tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama erat dengan Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) serta CPDC, UMP.

"Kita sedar keperluan untuk mendedahkan pelajar dengan realiti dan cabaran pada masa depan. Oleh itu, pihak universiti tampil dengan idea untuk

menganjurkan pelbagai aktiviti dalam karnival kerjaya ini supaya pelajar datang dan berinteraksi secara terus dengan industri.

"Pada masa sama, industri juga berpeluang untuk berkongsi idea dan pandangan mengenai tenaga kerja yang diinginkan oleh mereka.

## Latihan industri

"Saya percaya graduan profesional mampu mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0) kerana karnival yang dianjurkan ini sejajar dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang bertujuan melahirkan graduan berkemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri," katanya.

Yang turut hadir, Pengarah Operasi BASF PETRONAS Chemicals Sdn Bhd, Dr Jan Peter Bredehoeft; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mashitah Mohd Yusoff.

Sebanyak 40 syarikat mengambil bahagian dalam karnival kerjaya yang bertema 'Dari Universiti ke Industri' itu.

Sementara itu, Dr Jan Peter berkata, kerjasama antara industri penting untuk pembangunan kemahiran, terutama dalam bidang pendidikan dan berharap kolaborasi antara universiti serta industri akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Di BASF PETRONAS, kami turut menawarkan peluang pekerjaan kepada graduan dan menerima pelajar yang ingin membuat latihan industri," katanya.

Pelajar Fakulti Pengurusan Perindustrian, Nur Azliena Mohd Salim, berkata inisiatif UMP menganjurkan karnival kerjaya itu sangat membantu beliau untuk mencari syarikat bagi menjalani latihan industri tidak lama lagi.

"Saya percaya program seumpama ini memberi banyak manfaat, terutama dalam membantu graduan mencari pekerjaan dan perlu diteruskan pada masa akan datang," katanya.